

Kerja sambilan tambah sumber kewangan

KEBOLEHAN beraksi di depan lensa kamera menjadi kelebihan buat penuntut jurusan undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini belajar sambil bekerja sambilan.

"Kerjaya sebagai model sambilan, saya terima sejak tahun lepas, bukan atas desakan kewangan tetapi kerana minat, dan mencipta platform untuk lebih menyerlah dalam lapangan ini," akui gadis manis yang kini antara 10 finalis yang berentap dalam pertandingan Hijabi Mestika, Nik Izzati Amanina Halim.

Menurut Nik Izzati, memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu, mahasiswa harus bijak menggunakan peluang terutama dalam menjana kewangan agar cita-cita dan minat mampu disempurnakan sebaik mungkin.

"Saya menerima PTPTN, untuk menampung perbelanjaan, kerja sambilan tu banyak melancarkan pengajian. Saya mampu beli kereta atas nama sendiri dan bayar ansuran tanpa melibatkan wang ibu bapa.

"Bagi saya mahasiswa semuanya pandai berdikari, cuma mungkin pada awal-awal semester ada segelintir yang tidak mampu mengurus kewangan, sehingga terjadinya boros, namun jika dihitung perbelanjaan sebenar, kos untuk keperluan bahan pengajian dan menyiapkan tugas

itu lagi tinggi,"katanya.

Katanya, buku undang-undang contohnya memerlukan kos yang tinggi, pelajar tiada pilihan kerana ada kalangan pensyarah yang tidak suka buku fotostat. Tidak termasuk kos menyiapkan projek dan sebagainya. Oleh itu, satu peluang keemasan yang boleh diambil adalah berniaga secara atas talian (online) dan sambilan.

"Saya bergiat aktif tanpa mengabaikan pelajaran, lapangan ini juga salah satu cabang untuk saya mula mencipta nama, rasanya tidak perlu tunggu habis belajar untuk mencari peluang, mulakan dari sekarang, jangan harapkan sijil semata-mata.

"Insya-ALLAH, ketika tamat, kita sudah pun stabil, dan mudah diterima majikan. Setiap mahasiswa melalui cabaran berbeza, masa pun dah berubah, jadi mahasiswa hari ini perlu pandai bawa diri,"katanya.



Kerja sambilan tu banyak melancarkan pengajian. Saya mampu beli kereta atas nama sendiri dan bayar ansuran tanpa melibatkan wang ibu bapa."

- Nik Izzati